

ENTRI, MAKNA DAN PADANAN DALAM KAMUS DWIBAHASA MELAYU-INGGERIS: SATU ANALISIS SEMANTIK RANAHA

Intan Safinaz Zainudin
intansz@ukm.my

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.my

Imran Ho
imranho@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini membincangkan pecahan makna entri “menjulang” untuk dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris, iaitu kamus *Intelek Malay-English Dictionary* dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. Daripada soal selidik yang dilakukan menunjukkan entri menjulang merupakan entri yang paling bermasalah yang dihadapi oleh pelajar terjemahan, oleh itu teori Semantik Ranahan diaplikasikan dalam analisis linguistik entri “menjulang” berdasarkan data korpus bahasa Melayu DBP-UKM yang mengandungi lima juta patah perkataan untuk menyusun semula pecahan makna entri tersebut. Analisis linguistik bukan sahaja berdasarkan data korpus, rujukan kepada kamus ekabahasa Melayu dan Inggeris juga dibuat,

JURNAL BAHASA

manakala padanan bahasa Inggeris diambil daripada pangkalan data FrameNet. Analisis Semantik Ranahan menyusun makna mengikut ranah dan valensi kata tersebut. Unsur ranah dan valensi kata yang membezakan satu makna kata “menjulang” dengan pecahan maknanya yang lain. Makalah ini juga mencadangkan entri “menjulang” yang lebih tersusun maksudnya dengan padanan bahasa Inggeris yang sesuai.

Kata kunci: kamus dwibahasa, Semantik Ranahan, pecahan makna, valensi, FrameNet

Abstract

This article discusses the sense division of the entry “menjulang” in two Malay-English bilingual dictionaries: Intelek Malay-Bahasa Dictionary and Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris. A questionnaire study showed that “menjulang” is the most problematic entry due to its incomplete coverage in terms of meaning and equivalent. The Frame Semantics theory is chosen as the basis for analysis based on data from the five million-words UKM-DBP Malay corpus. Linguistic analysis is not only based on corpus data but also on the Malay and English monolingual dictionaries, while English equivalents are taken from the FrameNet database. Frame Semantics analysis organises sense divisions based on frame elements and word valency. This article also proposes a better organised entry for “menjulang” together with its English equivalents.

Keywords: bilingual dictionaries, Frame Semantics, sense, valency, FrameNet

PENDAHULUAN


Kamus dwibahasa merupakan alat rujukan yang penting untuk mencari maklumat makna dan terjemahan mengenai dua bahasa. Maklumat yang disediakan dalam kamus dwibahasa bukan sahaja perlu untuk memberikan padanan dan makna sesuatu kata malah maklumat linguistik lain seperti aspek morfologi, sintaksis, konteks serta maklumat sosiobudaya yang

tidak kurang pentingnya boleh dirujuk untuk pemahaman pengguna kamus. Di Malaysia, kajian dan penulisan berkenaan kamus dwibahasa secara umumnya dan kamus dwibahasa bagi Melayu-Inggeris khususnya tidak serancak kajian atau penulisan berkenaan kamus ekabahasa Melayu di Malaysia. Ibrahim (2005) menyatakan bahawa “dunia leksikografi Melayu lebih dikenali sebagai aktiviti penyusunan kamus, berbanding dengan penyelidikan tentang kamus”. Kajian kamus dwibahasa kurang mendapat tempat dalam kalangan para akademik dan kajian terhadap kamus dwibahasa oleh pengkaji tempatan kebanyakannya tertumpu pada masalah padanan sahaja (Noresah & Fadilah, 2005) dan Fadilah (2003). Makalah ini cuba menunjukkan masalah lain, seperti pembahagian pecahan makna entri bahasa sumber selain masalah padanan yang membelenggu kamus dwibahasa Melayu-Inggeris dalam pasaran. Kata entri “menjulang” akan dianalisis dalam makalah ini.

MENGESAN ENTRI BERMASALAH DAN SEMANTIK RANAHAN

Menurut Hartmann (2001) kajian terhadap kamus dwibahasa perlu melibatkan kaedah yang eklektik untuk mengendalikan masalah kamus dwibahasa yang pelbagai, seperti masalah makna antara dua bahasa, perbezaan budaya, masalah terjemahan dan padanan. Oleh itu, makalah ini menggunakan pakai metodologi yang menggabungkan tiga aspek penting, seperti aspek penggunaan kamus, aspek perkamusan (penulisan dan maklumat entri kamus) dan aspek analisis linguistik terhadap entri kamus tersebut. Pendekatan ini dianggap sebagai eklektik kerana boleh menjawab persoalan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna kamus, seperti maklumat makna yang tidak lengkap dan padanan yang sesuai.

Kajian secara soal selidik telah dijalankan terhadap 61 orang pelajar terjemahan yang menggunakan kamus apabila menterjemahkan satu teks bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Rajah 1 menunjukkan contoh kekerapan pelajar merujuk kamus apabila menterjemahkan leksikal bermasalah yang terdapat dalam teks asal. Dalam kajian ini, entri “menjulang” merupakan entri yang paling bermasalah. Oleh sebab itu, entri “menjulang” akan dijadikan fokus kajian.



Rajah 1: Alasan menyemak entri yang bermasalah.

Selain soal selidik, kajian ini juga memberikan tumpuan pada maklumat entri kamus yang disediakan dalam dua kamus dwibahasa, iaitu kamus *Intelek Malay-English Dictionary (IMED)* dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris (KPBMBI)*. Berdasarkan perbandingan entri “menjulang” antara dua kamus tersebut analisis terhadap entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris dilakukan. Analisis yang dijalankan ialah analisis leksikal bahasa sumber berdasarkan data korpus kemudian barulah diberikan padanan dan terjemahan yang sesuai dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris. Makalah ini akan menganalisis entri “menjulang” dengan aplikasi teori Semantik Ranahan berdasarkan data korpus DBP-UKM yang mengandungi lima juta patah perkataan bahasa Melayu. Selain data korpus, analisis makna ini juga merujuk kamus ekabahasa Melayu dan Inggeris, kamus dwibahasa dan pangkalan data FrameNet.

Makalah ini membincangkan analisis linguistik terhadap entri kata kerja “menjulang” berteraskan data korpus dan aplikasi teori Semantik Ranahan yang dipelopori oleh sarjana Charles Fillmore (1982). *Frame* atau ranah ini dilihat sebagai satu sistem konsep yang berhubung kait. Untuk memahami konsep tertentu kita mestilah memahami makna keseluruhan sistem konsep tersebut. Apabila satu konsep diperkenalkan dalam teks, kesemua sistem konsep itu secara automatik wujud bersama dalam teks

tersebut, atau dalam satu perbualan (Fillmore, 1982:111). *Frame* atau ranah makna bermaksud makna sesuatu perkataan itu boleh dijelaskan mengikut maklumat konseptual yang sedia ada yang berkaitan dengan ranah latar yang terlibat. Menurut Fillmore, Johnson dan Petrucc (2003):

Frames are schematic representations of the conceptual structures and patterns of beliefs, practices, institutions, images that provide a foundation for meaningful interaction in a given speech community.

Semantik Ranahan melihat makna ranah (*frame*) itu sebagai perwakilan skematik bagi struktur konseptual, aspek yang berkaitan dengan kepercayaan, amalan, institusi yang terlibat, dan imej yang menjadi asas untuk interaksi yang bermakna dalam perhubungan antara satu sama lain dalam sesuatu kumpulan masyarakat. Teori mengenai ranah ini telah melalui satu evolusi yang jelas dari tahun 1975 hingga ke tahun 2003. Pada tahun 1975, Fillmore telah menggunakan makna ranah sebagai sistem pemilihan linguistik (*system of linguistic choices*). Contoh yang mudah ialah pengumpulan kata tertentu yang juga termasuk pilihan nahu dan kategori linguistik yang merujuk suatu situasi tertentu. Satu ranah itu merangkumi satu pilihan linguistik yang berkaitan dengan satu situasi tertentu atau apa yang dijelaskan sebelum ini sebagai *scene* atau *situation*. Dalam tahun 1985, ranah dilihat sebagai seberkas ilmu tertentu atau pengalaman skema yang koheren. Kemudian dalam tahun 1992, ranah telah beransur-ansur menjadi satu struktur kognitif (Ungerer & Schmid, 2006:210). Teori Fillmore ini diaplikasikan dalam analisis leksikal kamus dalam beberapa penulisan beliau bersama-sama dengan Sue Atkins, iaitu artikel Atkins dan Fillmore (1994) dan Atkins, B.T.S. Fillmore, C.J. & Johnson, C.R. (2003).

Menurut teori Semantik Ranahan, setiap ranah mempunyai unsur ranah yang mendukung makna ranah tersebut. Fillmore dan Petrucc (2003) memberikan definisi unsur ranah sebagai “*frame-specific defined semantic role that is the basic unit of frame*”. Contohnya untuk ranah *COMMERCIAL EVENT*, unsur ranah yang perlu ada untuk membawa makna ranah *COMMERCIAL EVENT* ialah unsur pembeli, penjual, barang dan wang. Selain unsur ranah, Fillmore (1982) juga mengetengahkan teori valensi, iaitu satu pemerian peranan semantik dan sintaktik bagi setiap argumen untuk suatu kata. Valensi ini didefinisikan oleh Fillmore dan Petrucc (2003) sebagai:

... the particular kinds of constituents, in terms of semantic roles, grammatical functions, and phrase type, with which a word combines in a grammatical sentence.

Valensi menunjukkan suatu kata itu boleh bergabung dengan kata lain dalam satu frasa untuk menghasilkan satu ayat yang gramatis. Sebagai contoh satu kata kerja transitif memerlukan frasa nama sebagai objek kata kerja untuk berfungsi dengan gramatis. Kumpulan valensi pula menunjukkan unsur ranah dan realisasi nahu dalam suatu ayat tersebut, seperti jenis frasa dan fungsi klausa manakala pola valensi pula menunjukkan beberapa kumpulan valensi yang terkandung dalam satu ayat.

Teori Fillmore ini diaplikasikan dalam analisis leksikal kamus dalam beberapa penulisan beliau, seperti Atkins dan Fillmore (1994) dan Atkins, Fillmore, & Johnson (2003). Kajian Fillmore dan rakan-rakan menunjukkan analisis Semantik Ranahan untuk bahasa Inggeris khususnya. Artikel ini juga mengaplikasikan pendekatan Boas (2001, 2002, 2005, 2009) menggunakan teori Semantik Ranahan dalam analisis untuk perbandingan dua bahasa seperti kajian beliau membandingkan argumen sintaktik dengan semantik kata kerja pergerakan dalam bahasa Inggeris dan Jerman. Dalam semua penulisannya, Boas mendapati teori Semantik Ranahan berjaya diaplikasikan untuk mengenal pasti pola bahasa untuk ranah makna yang sama antara dua bahasa.

Analisis ini menyenaraikan pecahan makna bagi kata kerja tersebut berdasarkan maklumat data korpus DBP-UKM berjumlah lima juta serta rujukan daripada *Kamus Dewan* (edisi keempat), dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris dan maklumat leksikal serta padanan dalam bahasa Inggeris daripada pangkalan Framenet. Apabila entri sudah disusun mengikut makna yang paling teras kepada makna yang tinggi kekerapan penggunaannya, berdasarkan bukti korpus, barulah maklumat itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris (BI). Maklumat makna dan penerangan termasuk ayat contoh diterjemahkan ke dalam BI.

Aplikasi teori *FS* mengandungi langkah yang berikut:

1. Membandingkan maklumat antara kamus mengenai pembahagian maksud makna.
2. Melihat data korpus dan memastikan binaan ayat yang paling kerap.

3. Mengenal pasti ranah dan unsur ranah.
4. Mengenal pasti kumpulan valensi.
5. Mengenal pasti makna ranah, unsur ranah dan ayat contoh BM yang penting untuk dimasukkan ke dalam kamus.
6. Mencari padanan BI bagi setiap ranah dan terjemahkan ayat contoh ke dalam BI.
7. Memastikan ranah BM itu boleh dipetakan dengan ranah BI.


PERBINCANGAN ANALISIS ENTRI “MENJULANG”

Kajian soal selidik mengenai penggunaan kamus dijalankan terhadap pelajar terjemahan menunjukkan bahawa pelajar paling kerap merujuk pelbagai kamus dwibahasa untuk kata “menjulang”. Pelbagai penjelasan boleh diberikan mengenai rujukan yang tinggi untuk kata ini dalam kamus, tetapi sebab yang paling jelas diberikan ialah entri kata kerja “menjulang” mempunyai masalah perincian makna dalam kedua-dua kamus dwibahasa *IMED* dan *KPMBI*. Bagi mengatasi masalah menganalisis kata “menjulang” ini, maka data korpus diperlukan untuk mendapatkan maklumat linguistik berdasarkan teori Semantik Ranahan bagi tujuan leksikografi.

Apabila ayat konkordans dijanakan daripada korpus DBP-UKM, sebanyak 96 contoh ayat sahaja yang mengandungi kata lema “julang”. Ayat konkordans yang dijanakan terlalu sedikit, oleh itu, tambahan data kajian diambil daripada pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka, data buku 3 (db3). Ayat konkordans yang mengandungi lema “julang” yang dijanakan daripada korpus DBP-UKM dan pangkalan db3 berjumlah 231 ayat konkordans kesemuanya dan ini mencukupi untuk analisis linguistik seterusnya. Daripada data korpus tersebut, terdapat enam makna yang boleh dikenal pasti. Ayat konkordans yang membawa makna tersebut dimasukkan dalam program statistik untuk menghasilkan graf kekerapan penggunaan makna kata tersebut. Maklumat statistik mengenai kekerapan makna disediakan dalam Rajah 2.

Rajah 2 menunjukkan empat makna yang pertama merupakan kata kerja manakala dua makna lagi merupakan kata nama yang tidak termasuk dalam skop kajian. Setiap pecahan makna ialah ranah yang akan dibincangkan seterusnya.

Selanjutnya, Jadual 1 menunjukkan maklumat makna entri “julang” yang disediakan dalam tiga kamus, iaitu *Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4)*, *KPMBI* dan *IMED*. Jadual 2 pula merupakan ringkasan maklumat



Rajah 2 Graf maksud makna kata “menjulang” daripada data korpus DBP-UKM dan db3.

yang menunjukkan perbandingan perbezaan pecahan makna daripada Jadual 1. *KD4* memberikan empat pecahan makna, iaitu makna untuk mengangkat sesuatu ke atas, mendukung di atas bahu, sesuatu naik tinggi seperti api dan makna keempat membawa makna dihormati. Kamus *IMED* memberikan tiga maksud sahaja, iaitu mengangkat sesuatu naik ke atas, mendukung di atas bahu dan sesuatu yang naik tinggi. Kamus *IMED* tidak menawarkan pecahan makna yang dihormati, manakala kamus dwibahasa *KPBMBI* menyediakan tiga pecahan makna; maksud pertama ialah mengangkat sesuatu ke atas dan menggabungkan maksud pertama dan kedua yang ditawarkan oleh *KD4*, pecahan makna kedua ialah sesuatu yang naik tinggi dan pecahan makna ketiga ialah dihormati.

Untuk menyelesaikan masalah perbezaan makna ini, analisis korpus berteraskan Semantik Ranahan telah dilakukan. Analisis korpus berdasarkan Semantik Ranahan telah mengenal pasti empat ranah makna; ranah pertama ialah makna teras, iaitu bermaksud mengangkat sesuatu konkrit ke atas dengan contoh ayat menjulang piala atau ranah ANGKAT dan boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *INTENTIONALLY ACT*; ranah kedua ialah makna peluasan daripada pecahan makna pertama, iaitu apabila seseorang “diangkat ke atas” seseorang itu dihormati dengan contoh “menjulang nama”, iaitu ranah HORMAT dan boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *JUDGEMENT*; makna ranah ketiga ialah sesuatu yang bersifat fizikal naik ke atas seperti asap, api atau pokok yang menjulang tinggi atau ranah NAIK TINGGI FIZIKAL dan boleh dipetakan

Jadual 1: Maklumat makna entri “julang” yang disediakan dalam tiga kamus.

Kamus Dewan Edisi keempat (KD4)	Intelek Malay-English Dictionary (IMED)	Kamus Perwira BM-BI (KPBMBI)
Julang; menjulang 1. mengangkat ke atas: <i>kapal itu sedang dijulang dan dihempas gelombang;</i> 2. mendukung (anak dl) di atas bahu: <i>setibanya sahaja di rumah, dia terus mengangkat dan ~ anaknya;</i> 3. membumbung tinggi, meninggi: <i>api dr rumah yg terbakar itu ~ sehingga ke puncak atapnya;</i> 4. ki menjunjung tinggi, menyanjung, amat menghormati: <i>Churchill seorang pemimpin yg dijulang tinggi oleh rakyat Inggeris;</i>	Julang, menjulang 1. to lift (aloft); <i>Masing-masing ~ tombaknya.</i> Everyone lifted a spear aloft. 2 to carry on the shoulder : <i>Penyokong-penyokong parti itu ~ calonnya yg menang.</i> Party supporters carried their winning candidate on their shoulders. 3 to rise up; to soar: <i>Api dr kilang yg terbakar itu ~ mengatasi bangunan-bangunan di situ.</i> Fire from the burning factory soared above the buildings around it. \$ to hold in high esteem; to worship: <i>Rakyat Cina dulunya ~ Mao Tse-dong.</i> The Chinese formerly worshipped Mao Tse-dong.	Julang=menjulang 1. kj. mengangkat ke atas, mendukung (anak) di atas bahu <i>to carry on the shoulder.</i> Penyokong-penyokong menjulang pemimpin mereka yang berjaya dalam pilihanraya. 2. adj membumbung tinggi, meninggi <i>to dart up as of fire.</i> Api dari rumah yang terbakar itu menjulang sehingga ke puncak pokok hujan. 3. kj menghormati, menyanjung to respect, to praise. Pemimpin yang ulung itu dijulang oleh rakyatnya.

Jadual 2: Perbandingan pecahan makna entri “julang” dalam ketiga-tiga kamus berserta padanan yang disediakan.

Kamus Dewan Edisi keempat	Intelek Malay-English Dictionary (IMED)	Kamus Perwira BM-BI (KPBMBI)
1. angkat sesuatu ke atas	✓ to lift	✓ Dua pecahan makna disatukan menjadi satu. To carry, lift
2. dukung di atas bahu	✓ to carry	
3. naik tinggi - api	✓ rise up, soar	✓ Dart up
4. dihormati	X	✓ To respect

Petunjuk:

- ✓ makna yang sama ada dalam entri
- X makna yang tiada dalam entri

JURNAL BAHASA

dengan ranah bahasa Inggeris *MOTION*; manakala makna keempat ialah makna yang mengalami peluasan daripada pecahan makna ketiga tadi, iaitu sesuatu objek yang abstrak naik ke atas seperti semangat yang naik atau ranah NAIK TINGGI ABSTRAK dan boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *MOTION*. Kali ini *MOTION* bersifat abstrak.

Analisis Linguistik Pecahan Makna Pertama atau Ranah ANGKAT

Makna ranah pertama ialah makna teras, iaitu bermaksud seseorang Agen melakukan suatu Aksi, iaitu mengangkat sesuatu yang konkrit ke atas dengan contoh ayat “Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi”. Ranah ANGKAT dalam bahasa Melayu agak spesifik maknanya dan boleh dipetakan dengan ranah yang lebih umum dalam bahasa Inggeris, iaitu ranah *INTENTIONALLY ACT*. Dua unsur yang terdapat dalam ranah ini ialah ranah Agen, iaitu seseorang yang melakukan suatu Aksi mengangkat sesuatu ke atas. Unit leksikal bahasa Inggeris yang boleh disediakan sebagai padanan ialah *lift, carry*. Ayat “Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi” mengandungi beberapa unsur *frame* atau ranah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, iaitu:

1. Agen.
2. Aksi.

Kata “julang” ini membawa makna ranah ANGKAT dan boleh dipetakan dengan ranah *INTENTIONALLY ACT* yang membawa maksud suatu Aksi atau pergerakan yang dilakukan oleh Agen. Rajah 3 menunjukkan pemetaan ranah ANGKAT dan *INTENTIONALLY ACT*.

Analisis Linguistik untuk Pecahan Makna Kedua atau Ranah HORMAT

Makna ranah kedua ialah makna peluasan secara metafora daripada maksud pertama, iaitu apabila nama seseorang itu diangkat ke atas atau dipandang tinggi, seseorang itu dihormati dengan contoh “menjulang nama”. Maksud makna ini tidak terdapat dalam kamus *IMED* manakala kamus *KPBMBI* menyenaraikan maksud makna “menghormati, menyanjung” tetapi frasa “menjulang nama” tidak disediakan. Ranah HORMAT ini bermakna seorang Penilai memberikan penilaian yang

Jadual 3 Maklumat analisis linguistik untuk ranah ANGKAT.

LEMA	julang
LU /unit leksikal	menjulang
Kelas kata	kata kerja
Ranah ANGKAT	Seorang Agen melakukan suatu Aksi, iaitu mengangkat sesuatu naik ke atas dengan tangan seperti menjulang piala
Unsur Ranah	Agen dan Aksi
Struktur nahu	Transitif Subjek + menjulang + Objek
Contoh ayat	Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi.
Terjemahan	<i>He lifted up the trophy.</i>
UL	<i>Lift</i>

Terdapat dua kumpulan valensi daripada ayat tersebut yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Kumpulan valensi ranah ANGKAT.

Agen Subjek Frasa Nama <i>Dia</i>	Aksi Objek Frasa Kata Kerja <i>Menjulang piala itu tinggi-tinggi</i>
<pre> graph TD subgraph Agent [Agent] direction TB A[Subjek] --- B[Dia] C[Frasa Nama] --- D[Dia] end subgraph Action [Action] direction TB E[Objek] --- F[Menjulang piala itu tinggi-tinggi] G[Frasa Kata Kerja] --- H[Menjulang piala itu tinggi-tinggi] end B --> I[Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi] D --> I E --> J[He lifted up the trophy] G --> J F --> K[LU menjulang] H --> K </pre>	Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi. LU menjulang He lifted up the trophy. LU <i>lifted up</i>

Rajah 3 Pemetaan antara ranah ANGKAT dengan *INTENTIONALLY ACT*.

JURNAL BAHASA

positif yang membawa rasa hormat kepada Subjek fizikal (seseorang) atau Subjek abstrak (nama) yang dinilai itu kerana unsur sebab yang tertentu. Ranah HORMAT ini agak spesifik dan boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris JUDGEMENT. Maklumat mengenai ranah HORMAT disediakan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Maklumat analisis linguistik ranah HORMAT.

Makna 2	Dihormati – menjulang nama
Ranah DIHORMATI	Seorang Penilai mempunyai penilaian yang positif seperti hormat terhadap seseorang atau Subjek kerana sebab-sebab tertentu.
Unsur Ranah	Penilai, Subjek,
Struktur nahu	Transitif Penilai + menjulang + Subjek
Contoh ayat	Dia benar-benar menjulang Patriarch ke tahap yang paling sayup tinggi
Terjemahan	<i>He really revered Patriach to a high level of esteem.</i>
UL	<i>revere, respect</i>


Analisis Linguistik untuk Pecahan Makna Ketiga atau Ranah NAIK TINGGI FIZIKAL

Pecahan makna ketiga ialah sesuatu entiti konkrit, iaitu Tema seperti “asap, api atau pokok yang menjulang tinggi” dari suatu Punca dan naik ke atas ke arah satu Tempat Tujuan. Yang menariknya mengenai struktur “api menjulang naik, pokok menjulang tinggi” ia membawa makna ranah NAIK TINGGI FIZIKAL. Yang ditunjukkan dalam Jadual 7 ialah struktur nahu untuk kata “menjulang” membawa makna kata kerja tak transitif, iaitu tidak membawa objek, seperti ranah yang dibincangkan di atas. Selepas kata kerja “menjulang” ialah Komplemen, iaitu Tempat Tujuan pergerakan Tema tersebut. Jadual 8 pula menunjukkan kumpulan valensi ranah NAIK TINGGI FIZIKAL.

Jadual 6 Kumpulan valensi ranah HORMAT.

Penilai Subjek Frasa Nama <i>Dia benar-benar</i>	Subjek Frasa Kata Kerja <i>menjulang Patriach ke tahap yang paling sayup tinggi</i>
---	---

Ranah HORMAT boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *JUDGEMENT* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 dan unit leksikal (UL) yang boleh dijadikan padanan ialah “*respect, revere*”.



Rajah 4 Ranah HORMAT dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *JUDGEMENT*.


Jadual 7 Maklumat analisis linguistik ranah NAIK TINGGI FIZIKAL.

Makna 3	Sesuatu naik ke atas-api atau pokok menjulang-Konkrit
Ranah NAIK TINGGI FIZIKAL	Sesuatu entiti, iaitu Tema bergerak dari suatu Punca ke atas ke arah suatu Tujuan.
Unsur Ranah	Tema, Tempat Tujuan
Struktur nahu	Tak transitif Peserta konkrit + menjulang + komplemen
Contoh ayat	Api menjulang naik ke udara
Terjemahan	<i>The fire rose up into the air.</i>
UL	<i>rise, soar</i>

Jadual 8 Kumpulan valensi ranah NAIK TINGGI FIZIKAL.

Tema Subjek Frasa Nama <i>Api</i>	Tempat Tujuan Komplemen Frasa Kata Kerja <i>Menjulang naik ke udara</i>
--	--

Ranah NAIK TINGGI FIZIKAL ini boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *MOTION* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Unit leksikal atau UL untuk ranah *MOTION* yang boleh menjadi padanan untuk “menjulang” ialah “*rise, soar*”.



Rajah 5 Pemetaan ranah NAIK TINGGI FIZIKAL ini dengan ranah bahasa Inggeris *MOTION*.

Analisis Linguistik untuk Pecahan Makna Keempat atau Ranah NAIK TINGGI ABSTRAK

Manakala makna keempat ialah makna peluasan daripada pecahan makna ketiga tadi, sesuatu entiti yang abstrak, iaitu Tema seperti “semangat, harga” naik tinggi ke atas dan maknanya bermetafora kerana entiti Tema yang naik tidak dapat dilihat secara kasar tapi boleh dibayangkan. Jika “semangatnya menjulang” maka semangat yang naik tinggi, perlakuan seseorang manusia yang mempunyai tenaga dan usaha untuk mengerjakan sesuatu, contohnya “semangatnya menjulang atau harga barang menjulang naik” yang membawa makna ranah NAIK TINGGI ABSTRAK yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Hal ini membawa makna kata kerja tak transitif dan Temanya bersifat abstrak. Diikuti pula oleh Jadual 10 yang menunjukkan kumpulan valensi ranah NAIK TINGGI ABSTRAK. Makna ranah ini menunjukkan unsur Tema naik tinggi dan Tujuan Lokasi “setinggi awan” ialah metafora, iaitu harga yang tinggi itu dibandingkan dengan tinggi awan dan tidak pasti titik sebenar Tujuan Lokasi tersebut.


Jadual 9: Maklumat analisis linguistik ranah NAIK TINGGI ABSTRAK.

Makna 4	Sesuatu naik ke atas – semangat menjulang – abstrak
Ranah NAIK TINGGI ABSTRAK	Suatu Tema yang abstrak naik tinggi ke Lokasi Tujuan
Unsur Ranah	Tema, Lokasi Tujuan
Struktur nahu	Tak transitif Tema Abstrak + menjulang + komplemen
Contoh ayat	Harga barang-barang sudah menjulang setinggi awan.
Terjemahan	<i>The prices of goods have soared sky high</i>
UL	<i>soar, increase, rise</i>

Jadual 10 Kumpulan valensi ranah NAIK TINGGI ABSTRAK.

Tema	Lokasi Tujuan
Subjek	Komplemen
Frasa Nama	Frasa Kata Kerja
<i>Harga Barang</i>	<i>Sudah menjulang setinggi awan</i>

Ranah NAIK TINGGI ABSTRAK ini boleh dipetakan dengan ranah *MOTION* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Manakala UL untuk ranah ini ialah “*soar, increase, rise*”.



Rajah 6 Pemetaan ranah NAIK TINGGI ABSTRAK dan ranah *MOTION*.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan kesemua maksud “menjulang” dalam Jadual 11.

JURNAL BAHASA

Jadual 11 Pangkalan data makna kata “menjulang” berserta ayat contoh dan terjemahan bahasa Inggeris.

LEMA	julang
UL /unit leksikal	menjulang
Kelas kata	kata kerja
Ranah ANGKAT	Seorang Agen melakukan suatu Aksi, iaitu mengangkat sesuatu naik ke atas dengan tangan seperti menjulang piala
Unsur Ranah	Agen dan Aksi
Struktur nahu	Transitif Pelaku + menjulang + Penerima
Contoh ayat	Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi.
Terjemahan	<i>He lifted up the trophy.</i>
UL	<i>lift</i>
Ranah DIHORMATI	Seorang Penilai mempunyai penilaian yang positif seperti hormat terhadap seseorang yang lain, iaitu Subjek kerana sebab-sebab tertentu.
Unsur Ranah	Penilai, Subjek, Sebab
Struktur nahu	Transitif Penilai + menjulang + Subjek
Contoh ayat	Dia benar-benar menjulang Patriach ke tahap yang paling sayup tinggi.
Terjemahan	<i>He really revered Patriarch to a high level of esteem.</i>
UL	<i>Revere, respect</i>
Ranah NAIK TINGGI FIZIKAL	Sesuatu entiti, iaitu Tema bergerak dari suatu Punca ke atas ke arah suatu Tujuan.
Unsur Ranah	Tema, Punca, Tempat Tujuan
Struktur nahu	Tak transitif Tema Konkrit + menjulang + komplemen
Contoh ayat	Api menjulang naik ke udara.

INTAN SAFINAZ ZAINUDIN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN DAN IMRAN HO
sambungan Jadual 11

LEMA	julang
Terjemahan	<i>The fire rises up in the air.</i>
UL	<i>rise, sour</i>
Ranah NAIK TINGGI ABSTRAK	Suatu Tema yang abstrak naik tinggi ke Lokasi Tujuan
Unsur ranah	Tema, Lokasi Tujuan
Struktur Nahu	Tak transitif Tema Abstrak + menjulang + komplemen
Contoh ayat	Harga barang menjulang hingga ke awan
Terjemahan	<i>The price of goods have soared sky high.</i>
UL	<i>soar, increase, rise</i>

menjulang kj. Tf. 1. **Seseorang menjulang atau mengangkat suatu ke atas.** *To lift, raise.* Cth ayat: Dia menjulang piala itu tinggi-tinggi. *He lifted up the trophy.*
 2. **Seseorang atau pihak menghormati atau memberi penilaian positif kepada seorang atau pihak yang lain.** *to respect, revere.* Cth ayat: Dia menjulang Patriarch ke tahap yang paling sayup tinggi. *He really revered Patriarch to a high level of esteem.*
 3. TTf. **Sesuatu objek konkret seperti asap, api, pokok naik atau bergerak ke atas.** *to rise, soar.* Cth ayat: Api menjulang naik ke udara. *The fire rose into the air.*
 4. TTf. **Sesuatu objek abstrak seperti semangat, harga yang bertambah atau naik.** *to rise, soar, increase.* Cth ayat: Harga barang menjulang ke awan. *The price of goods have soared sky high.*

Rajah 7: Cadangan Entri “menjulang”.

Cadangan Entri Kamus Dwibahasa untuk “Menjulang”.

Cadangan entri seperti yang dipaparkan dalam Rajah 7 menunjukkan bahawa dua pecahan makna yang pertama untuk kata “menjulang”

JURNAL BAHASA

merupakan makna kata kerja transitif manakala dua pecahan makna seterusnya merupakan kata kerja bukan transitif. Setiap pecahan makna yang dimulakan dengan nombor diikuti dengan definisi makna, kemudian padanan dalam bahasa Inggeris yang ejaannya dicondongkan. Kemudian ayat contoh yang diambil daripada korpus disediakan diikuti oleh terjemahan ayat ke dalam bahasa Inggeris.

KESIMPULAN

Masalah padanan dalam kamus dwibahasa selalu menghambat pengguna kamus. Kebanyakan kamus yang dihasilkan berdasarkan padanan secara intuisi ataupun apa-apa yang diterjemahkan secara harfiah daripada kamus lain. Padanan makna seumpama ini meninggalkan kelompongan dalam dunia perkamusinan dwibahasa. Dengan adanya metodologi yang sesuai berdasarkan pangkalan data DBP dan Framenet serta diiringi dengan teori Semantik Ranahan, sedikit sebanyak tatacara penyusunan kamus akan menjadi lebih teratur dan saintifik sifatnya. Dengan adanya Semantik Ranahan, padanan makna tidak akan dilakukan di luar konteks yang akan melahirkan kejanggalan makna. Makna yang tepat berdasarkan konteks penggunaan dan terjemahan akan menjadikan kamus dwibahasa lebih dihargai.

RUJUKAN

- Atkins B.T.S. & C.J. Fillmore, 1994. “Applying the Verbs of Seeing: A Frame Semantics Approach to Corpus Lexicography” dlm. *Proceedings of the Twentieth Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society, 1994*. S. Gahl, C. Johnson & A. Dolbey, BLS (ed.) California: UC Berkeley, hlm. 42-56.
- Atkins, B.T.S. Fillmore, C.J. & Johnson C.R., 2003. “Lexicographic Relevance: Selecting Information from Corpus Evidence” dlm. *International Journal of Lexicography*. 16:3 hlm. 251-80.
- Atkins, B.T.S. & Rundell, M., 2008. *The Oxford Guide to Practical Lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Boas, H. C. 2001. “Frame Semantics as a Framework for Describing Polysemy and Syntactic Structures of English and German Motion Verbs in Contrastive Computational Lexicography” dlm. Rayson, P., Wilson, A., McEnery, T., Hardie, A. dan Khoja, S. (ed.) *Proceedings of Corpus Linguistics 2001 Conference*. Technical Papers. Lancaster: University Centre for Computer Corpus Research on Language Vol. 13, hlm. 64-73.

INTAN SAFINAZ ZAINUDIN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN DAN IMRAN HO

- Boas, H. C., 2002. “Bilingual FrameNet Dictionaries for Machine Translation” dlm. *Proceedings of LREC*. Berkeley.
- Boas, H. C., 2005. “Semantic Frames as Interlingual Representations for Multilingual Lexical Databases” dlm. *International Journal of Lexicography*. 18:4, hlm. 445-78.
- Boas, H. C., 2009. *Multilingual FrameNets in Computational Lexicography: Methods and Applications*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Fadilah Jasmani, 2005. “Kamus dwibahasa: Terjemahan Lengkap dan Separa Lengkap” dlm *Prosiding CD-Rom Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fillmore, C. J., 1982. “Frame Semantics” dlm. The Linguistics Society of Korea (ed.) *Linguistics in the Morning Calm*. Seoul: Hanshin Publishing Co.
- Fillmore, C.J. Johnson, C.R. & Petrucc, M.R.L., 2003. “Background to FrameNet” dlm. *International Journal of Lexicography*. 16:3, hlm. 235-50.
- Fillmore, C.J.. & Petrucc, M.R.L., 2003. “FrameNet Glossary” dlm. *International Journal of Lexicography* 16:3, hlm. 359-3601.
- Ibrahim Ahmad, 2005. *Perkamus Melayu Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan, 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Intelek Malay-English Dictionary, 1996. Kuala Lumpur:Arus Intelek Sdn Bhd.
- Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris, 1998. Selangor: Penerbitan Daya Sdn Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 1993. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom & Fadilah Jasmani, 2003. “Penterjemahan dalam penyusunan Kamus Dwibahasa Pengalaman DBP” dlm. Kertas Kerja dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2-4 September 2003.
- Radden, G. & Dirven, R., 2007. *Cognitive English Grammar*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Ungerer, F. & Schmid, H-J., 2006. *An Introduction to Cognitive Linguistics*. Edisi Ke-2. Great Britain: Pearson Education Limited.